

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

<p>Nota:</p> <p>Sila baca dan fahami Lembaran Penerangan Produk ini berserta dengan terma dan syarat sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk mendaftar produk ini.</p> <p>Sila peroleh juga penjelasan daripada kami jika anda memerlukan penjelasan lanjut mengenai mana-mana bahagian atau terma.</p>	<p>AmInvestment Bank Berhad (196901000166)</p> <p><u>Produk:</u> SMART - Pembiayaan Margin Saham</p> <p><u>Tarikh Tayangan:</u> 18 May 2026 (Versi 1.3)</p>
---	--

1. Apakah produk ini?

SMART - Pembiayaan Margin Saham ialah kemudahan kredit bercagar yang ditawarkan kepada individu dan/atau korporat untuk membiayai pembelian saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Ia direka untuk meningkatkan keupayaan pemegang asset, menambah baik aliran tunai, serta meningkatkan kuasa pelaburan tanpa perlu menjual saham sedia ada atau membuat pengeluaran pramatang daripada deposit tetap. Cagaran yang diterima termasuk tunai atau saham yang tersenarai di Bursa Malaysia atau mana-mana bursa saham lain yang diiktiraf, tertakluk kepada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.

2. Apakah syarat kelayakan?

- Individu:**
- Anda mesti warganegara Malaysia.
 - Anda mesti berumur sekurang-kurangnya 21 tahun.
 - Anda mesti memiliki akaun Sistem Depositori Pusat ("CDS") dengan AmBank.
 - Anda **TIDAK** boleh memiliki sebarang rekod mufliis atau tunggakan hutang yang belum selesai.
- Corporate:**
- Syarikat anda mestilah syarikat yang berdaftar Malaysia.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

Jenis Cagaran	: Tunai, Saham Disebut Harga atau Simpanan Tetap (FD) AmBank											
Margin Pembiayaan	: <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Kaunter Berbilang</th> <th colspan="3">Kaunter Tunggal</th> </tr> <tr> <th>Pasaran Utama</th> <th>ACE</th> <th>ESOS/ IPO/ Tawaran Persendirian/ MITI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>50%</td> <td>45.5%</td> <td>40%</td> <td>80%</td> </tr> </tbody> </table>	Kaunter Berbilang	Kaunter Tunggal			Pasaran Utama	ACE	ESOS/ IPO/ Tawaran Persendirian/ MITI	50%	45.5%	40%	80%
Kaunter Berbilang	Kaunter Tunggal											
	Pasaran Utama	ACE	ESOS/ IPO/ Tawaran Persendirian/ MITI									
50%	45.5%	40%	80%									
Margin Penyelenggaraan	: <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Kaunter Berbilang</th> <th colspan="3">Kaunter Tunggal</th> </tr> <tr> <th>Pasaran Utama</th> <th>ACE</th> <th>ESOS/ IPO/ Tawaran Persendirian/ MITI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>60%</td> <td>55.5%</td> <td>50%</td> <td>80%</td> </tr> </tbody> </table>	Kaunter Berbilang	Kaunter Tunggal			Pasaran Utama	ACE	ESOS/ IPO/ Tawaran Persendirian/ MITI	60%	55.5%	50%	80%
Kaunter Berbilang	Kaunter Tunggal											
	Pasaran Utama	ACE	ESOS/ IPO/ Tawaran Persendirian/ MITI									
60%	55.5%	50%	80%									
Panggilan Margin	: Margin Penyelenggaraan merupakan tahap pencetus di mana Panggilan Margin akan dibuat.											
Kadar Faedah	: Kadar Asas Standard (SBR) + ____ % p.a. pada rehat harian [Sila rujuk halaman Kadar, Yuran & Caj AmBank di https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges/]											
Kadar Pembiayaan Berkesan	: Julat Hasil Berkesan antara 6.00% hingga 6.50% p.a. (tertakluk kepada kelulusan)											
Tempoh Pinjaman	: Tertakluk kepada semakan tahunan mengikut budi bicara AmBank											
Jenis cagaran dan had dagangan sehingga	: <ul style="list-style-type: none"> • 2.0x amaun tunai • 1.0x nilai saham (tertakluk kepada pengehadan) 											

4. Apakah terma dan syarat khusus?

- Tempoh Pembiayaan**
Tertakluk kepada semakan tahunan mengikut budi bicara AmBank
- Margin Pembiayaan**
Sila rujuk jadual di atas untuk Margin Pembiayaan.
- Panggilan Margin**
Sekiranya nilai cagaran yang dicagarkan kepada Bank jatuh di bawah Margin Penyelenggaraan, anda dikehendaki untuk membetulkan kedudukan margin dalam tempoh tiga (3) hari pasaran dengan menyelaras kedudukan akaun melalui penambahan tunai atau saham, atau dengan menjual sebahagian saham. Sekiranya kedudukan tersebut tidak dinormalkan dalam tempoh yang ditetapkan, Bank berhak untuk memulakan penjualan paksa saham tersebut.
Nota: Semua penilaian cagaran ditentukan sepenuhnya oleh Bank dan boleh dipinda, dikemas kini, atau dinilai semula oleh Bank pada bila-bila masa, mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, tanpa notis awal.
- Rollover Fees**
Tiada

5. Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj berkaitan dengan Pembiayaan Margin Saham, sila rujuk kepada Jadual Kadar, Yuran & Caj AmInvestment Bank Berhad.

<p>6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?</p> <p>a) Bank berhak untuk menjual secara paksa atau menjual saham anda atau menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan dengan Bank terhadap sebarang baki debit tertunggak.</p> <p>b) Bank boleh menggantung atau menamatkan akaun dagangan saham anda.</p> <p>c) Bank boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda, dan anda perlu menanggung semua kos yang ditanggung dan tanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas itu.</p>		
<p>7. Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk?</p> <p>a) Risiko Pasaran Harga saham boleh berubah secara mendadak disebabkan faktor ekonomi, politik, atau peristiwa global. Ini boleh menjejaskan nilai pelaburan anda.</p> <p>b) Risiko Kecairan Saham mungkin tidak boleh dipasarkan, tidak cair, dan tidak mudah diniagakan di pasaran pada harga yang berpatutan. Anda mungkin perlu menunggu atau menerima harga yang rendah untuk menjual pelaburan anda dan mengurangkan kerugian.</p> <p>c) Risiko Syarikat Prestasi kewangan dan operasi syarikat boleh menjejaskan harga sahamnya. Kegagalan dalam perniagaan dan pengurusan boleh menyebabkan nilai pelaburan anda menurun. Adalah disarankan agar anda membuat kajian terperinci sebelum melabur dalam saham syarikat tersebut.</p> <p>d) Risiko Inflasi Kuasa beli pelaburan anda mungkin terhakis dari masa ke masa jika pulangan diterima lebih rendah atau tidak seiring dengan kadar inflasi.</p> <p>e) Risiko Kawal Selia Perubahan dalam undang-undang dan peraturan kerajaan boleh memberi kesan material kepada operasi syarikat, yang seterusnya boleh mempengaruhi harga saham dan pulangan pelaburan anda.</p> <p>f) Risiko Cagaran Perubahan dalam syarat margin boleh menyebabkan peningkatan Nisbah Margin, yang mungkin mencetuskan Panggilan Margin walaupun tiada perubahan pada nilai portfolio anda.</p> <p>g) Risiko Kadar Faedah Perubahan dalam kadar faedah boleh menjejaskan kos pembiayaan. Peningkatan kadar faedah boleh mengakibatkan kos pembiayaan yang lebih tinggi, yang boleh mengurangkan pulangan keseluruhan anda serta menjejaskan keupayaan anda untuk memenuhi obligasi pembayaran.</p> <p>Sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap dan hanya berfungsi sebagai panduan. Sebelum anda mengambil sebarang keputusan untuk membuat pelaburan, anda dinasihatkan untuk berunding dengan wakil peniaga kami yang profesional untuk menilai profil risiko anda.</p>		
<p>8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada profil peribadi dan butiran hubungan saya?</p> <p>Adalah penting untuk anda menghubungi kami (sila rujuk item 9 di bawah) dan mengemas kini sebarang perubahan terkini maklumat peribadi serta butiran hubungan anda bagi memastikan maklumat anda sentiasa terkini dan semua urusan komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.</p>		
<p>9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?</p>		
<p>(i)</p> <p>Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 5px 0;"> <p>AmInvestment Bank Berhad (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 8, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur Anda boleh merujuk kepada:</p> <p>a) Pasukan khidmat Pelanggan kami Telefon: +60 3 2031 0102 Emel: helpdesk-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 8:00AM - 5:30PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum)</p> <p>b) Mana-mana wakil peniaga kami yang profesional di: Emel: sales-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 9:00AM - 5:00PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum)</p> <p>c) Laman web rasmi: www.amequities.com.my</p> <p>d) Mana-mana cawangan kami di seluruh negara (sila rujuk www.amequities.com.my/locate-branch untuk mencari cawangan terdekat anda)</p> </div>	<p>(ii)</p> <p>Secara alternatif, anda boleh memperoleh perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") menyediakan perkhidmatan secara percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 5px 0;"> <p>Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (Headquarter) Alamat: 5th and 6th Floor, Menara Aras Raya (dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur</p> <p>Telefon: +60 3 2616 7766 Emel: enquiry@akpk.org.my Laman Web: www.akpk.org.my</p> </div>	<p>(iii)</p> <p>Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia BNMLINK (dahulunya dikenali sebagai BNMTELELINK), atau Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan ("FMOS") di:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 5px 0;"> <p>Bank Negara Malaysia (Ibu Pejabat) Alamat: BNMLINK, Jabatan Komunikasi Korporat, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur</p> <p>Telefon: 1300 88 5465 (LINK) Fax: +60 3 2174 1515 Laman Web: www.bnm.gov.my</p> <p>Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 14, Blok Utama Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur</p> <p>Telefon: +60 3 2272 2811 Laman Web: www.fmos.org.my</p> </div>
<p>NOTA PENTING</p>		
<p>1. Sila baca dan fahami dokumen ini untuk mendaftar produk kami.</p> <p>2. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.</p> <p>3. Dokumen ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat dan Perjanjian Standard berkenaan dengan produk, yang akan kekal terpakai dan mengikat, dan Bank boleh membuat pindaan atau perubahan padanya mengikut budi bicaranya.</p> <p>4. Maklumat yang diberikan dalam dokumen ini adalah sah pada 18 May 2026 sehingga kemas kini seterusnya.</p>		